

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 19 JULAI 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 45

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) sama ada Kementerian membenarkan syarikat penerbangan lain (selain daripada MASwings) untuk menyediakan perkhidmatan udara (domestik dalam Sarawak) seperti Sibu ke Kota Kinabalu, Sibu ke Miri, Sibu ke Bintulu dan sebagainya; dan
- (b) bilakah AirAsia dapat menyediakan perkhidmatan udara untuk laluan Sibu ke Kota Kinabalu memandangkan AirAsia telah bersetuju dan berminat untuk menyediakan perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat penerbangan lain (selain daripada MASwings) untuk menyediakan perkhidmatan udara domestik terutamanya di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah.

Namun begitu, berdasarkan hasil kajian semula Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services*-RAS) yang telah siap dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission*-MAVCOM) pada tahun 2017, terdapat beberapa laluan-laluan domestik Sarawak termasuklah laluan Sibul-Kota Kinabalu vv, Sibul-Miri vv dan Sibul-Bintulu vv yang diklasifikasikan sebagai laluan RAS. Laluan-laluan tersebut dilihat masih belum lagi berpotensi untuk diklasifikasikan sebagai laluan yang mempunyai *commercial viability* dan masih memerlukan peruntukan subsidi oleh Kerajaan.

Sejajar dengan klasifikasi tersebut, berdasarkan Perjanjian RAS di antara Kerajaan dengan MASwings yang telah ditandatangani pada 3 Julai 2008 dan seterusnya dilanjutkan melalui perjanjian interim sehingga 31 Disember 2018, hanya syarikat penerbangan MASwings yang dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan bagi laluan-laluan RAS tersebut.

- (b) Mengenai penyediaan perkhidmatan udara oleh AirAsia bagi laluan Sibul-Kota Kinabalu vv, buat masa ini, Kerajaan sedang meneliti serta memperhalusi perkara-perkara yang berkaitan dengan komitmen, terma dan syarat-syarat serta implikasi kewangan yang berkaitan sekiranya syarikat-syarikat penerbangan komersial dibenarkan untuk beroperasi ke laluan tersebut dan dijangkakan keputusan mengenainya dapat diputuskan pada bulan Ogos ini.